



SIARAN AKHBAR PRESS STATEMENT

S.A. 2015/03/38 (HQ)

CEO ANTARA PENERIMA ANUGERAH PERKHIDMATAN SETIA TNB

Datuk Seri Ir. Azman Mohd yang telah berkhidmat selama 35 tahun dengan **Tenaga Nasional Berhad (TNB)** merupakan antara salah seorang daripada 1,731 penerima Anugerah Perkhidmatan Setia (APS) TNB tahun ini.

Tempoh perkhidmatan selama itu merupakan sesuatu yang jarang berlaku dalam dunia korporat tanah air, khususnya Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC).

Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif syarikat utiliti elektrik negara itu menyertai TNB (dahulunya dikenali Letrik Lembaga Negara/LLN), sebagai jurutera pada tahun 1979.

Sebelum dilantik CEO TNB pada 1 Julai 2012, Ir. Azman, 58, telah memegang beberapa jawatan penting dalam pengurusan syarikat antaranya Pengurus Besar Negeri TNB Selangor, Pengurus Besar (Pengurusan Strategik dan Pembangunan Organisasi), Pengurus Besar Kanan (Operasi – Wilayah 2) Bahagian Pembahagian, Naib Presiden (Pembahagian) dan Pengarah Eksekutif/Ketua Pegawai Operasi.

Beliau menerima APS 35 tahun yang disampaikan oleh Pengerusi TNB, Y. Bhg Tan Sri Leo Moggie. Seramai 872 lagi warga kerja TNB menerima anugerah yang sama.

Penyampaian anugerah berlangsung selama dua hari berturut-turut dan akan berakhir esok. Para penerima anugerah adalah mereka yang telah berkhidmat selama 20, 25, 30, 35 dan 40 tahun.

TNB mempunyai lebih 35,000 warga kerja yang bertugas di Semenanjung, Sabah dan beberapa negara antaranya di Timur Tengah dan Afrika Utara.

Tan Sri Leo Moggie dalam ucapannya berkata adalah menjadi satu kebanggaan syarikat apabila dapat melahirkan dan membesarkan seorang peneraju utama dalam organisasi yang sama sepanjang kerjayanya.

"Majlis tahunan seperti ini adalah tanda penghargaan syarikat kepada warga kerjanya yang berjaya menunaikan tugas yang diamanahkan dengan setia sehingga sekarang.

"Semua penerima anugerah yang telah mengharungi saat-saat mencabar dan detik-detik pahit manis sehingga syarikat berjaya mencapai pelbagai kecemerlangan."

Beberapa orang pengurusan tertinggi TNB turut menerima penganugerahan APS ini termasuklah Naib Presiden Sumber Manusia, Dato' Muhammad Razif Abdul Rahman, Naib Presiden Usaha Niaga Tenaga, Nor Azman Mufti dan Ketua Pegawai Perolehan, Ir. Syed Abu Hanifah Syed Alwi, yang telah berkhidmat selama 30 tahun.

Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 28 Mac 2015

*Sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi Md. Derus Bunchit 019-266 2296, atau,
Maizatul Nadiyah Saadon 017-381 6602*